



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab ke atas sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## “BELIA: KHAZANAH BERNILAI – SUMBER BERHARGA”

12 Ogos 2022 / 14 Muharram 1444

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan semua larangan Nya, mengikhlaskan setiap amal, semoga kita sentiasa mendapat taufik dan hidayah serta diperkukuhkan iman mengabdikan diri semata-mata kepada Allah Yang Maha Esa. Menghargai tarikh 12 Ogos yang diisytiharkan sebagai Hari Belia Sedunia, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

### “BELIA: KHAZANAH BERNILAI – SUMBER BERHARGA”

Firman Allah SWT:

﴿ إِذْ أَوْىءَ الْفِتْيَةُ إِلَى الْكَهْفِ فَقَالُوا رَبَّنَا إِنَّا مِن لَّدُنكَ رَحِمَةً وَهِيَ لَنَا مِن أَمْرِنَا رَشَدًا ﴿١٠﴾ ﴾

Bermaksud: (Ingatlah) tatkala pemuda-pemuda itu mencari tempat berlindung ke dalam gua lalu mereka berdoa, “Wahai Tuhan kami, berikanlah rahmat kepada kami dari sisi Mu dan sempurnakanlah bagi kami petunjuk yang lurus dalam urusan kami”

(Surah Al Kahfi ayat 10)

﴿ نَحْنُ نَقُصُّ عَلَيْكَ نَبَأَهُم بِالْحَقِّ إِنَّهُمْ فِتْيَةٌ ءَامَنُوا بِرَبِّهِمْ وَرِزْدَنَاهُمْ هُدًى ﴿١٣﴾ ﴾

Bermaksud: Kami ceritakan kisah mereka kepada mu (Muhammad) dengan sebenarnya. Sesungguhnya mereka itu adalah pemuda-pemuda yang beriman kepada Tuhan mereka dan Kami tambahkan kepada mereka petunjuk.

(Surah Al Kahfi ayat 13)

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Ayat-ayat 10 dan 13 surah al Kahfi mengisahkan pemuda Ashabul Kahfi yang teguh iman mereka, sanggup melarikan diri, bersembunyi di dalam gua, kerana mahu memelihara akidah. Mereka tidak terpengaruh dengan imbuhan, mereka tidak gentar dengan desakan dan mereka tidak gementar dengan ancaman pemerintah yang zalim.

﴿فَمَا آمَنَ لِمُوسَىٰ إِلَّا ذُرِّيَّةٌ مِّنْ قَوْمِهِ عَلَىٰ خَوْفٍ مِّنْ فِرْعَوْنَ وَمَلَئِهِمْ أَن يَفْتِنَهُمْ وَإِنَّ فِرْعَوْنَ لَعَالٍ فِي الْأَرْضِ وَإِنَّهُ لَمِنَ الْمُسْرِفِينَ﴾

Bermaksud: Maka tidak ada yang beriman kepada Musa, melainkan pemuda-pemuda dari kaumnya (Musa) dalam keadaan takut bahawa Firaun dan pemuka-pemuka kaumnya akan menyiksa mereka. Sesungguhnya Firaun itu berbuat sewenang-wenangnya di muka bumi. Dan sesungguhnya dia termasuk orang-orang yang melampaui batas. (Surah Yunus ayat 83)

Ayat 83 Surah Yunus menyatakan tiada orang dewasa yang beriman dengan Nabi Musa AS, tetapi para pemuda telah menunjukkan sifat berani menerima kebenaran ajaran Nabi Musa AS dalam suasana majoriti penduduk terlalu takut untuk menentang Firaun.

Rasulullah SAW meletakkan pemuda di kedudukan yang istimewa. Para pemuda merupakan kumpulan pertama yang berani ke hadapan mendampingi diri mendukung dan bergabung usaha membantu Rasulullah SAW menyebarkan dakwah Islamiah; sedangkan orang-orang tua menentang Baginda. Rasulullah SAW bersabda; “Aku berpesan kepada mu supaya berbuat baik kepada golongan pemuda, sesungguhnya hati mereka paling lembut. Sesungguhnya Allah telah mengutus ku membawa agama *hanif* ini, lalu para pemuda bergabung dengan ku dan orang-orang tua menentangnya.”

(Riwayat Bukhari)

Tafsir Ibnu Katsir menyebut, majoriti orang yang menerima baik seruan para nabi ialah kalangan muda. Nabi Muhammad SAW diangkat menjadi rasul ketika berusia 40 tahun. Pengikut-pengikut Baginda yang membentuk generasi pertama Islam kebanyakan terdiri daripada kalangan belia, yang menunjukkan sifat bersedia menerima pembaharuan. Mereka merupakan kumpulan terawal menerima ajaran Islam; antara mereka Sayidina Abu Bakar RA, memeluk Islam ketika berusia 38 tahun; Sayidina Umar RA memeluk Islam ketika berusia 28 tahun, dan Sayidina Ali Karamallahu Wajhah memeluk Islam



ketika berusia 10 tahun. Antara nama yang tercatat dalam sejarah membantu perjuangan Rasulullah SAW ketika berusia muda ialah Jaafar bin Abi Talib berusia 18 tahun, Qudhamah bin Maz'un berusia 19 tahun. Abdullah bin Mas'ud yang memeluk Islam ketika berusia 18 tahun, secara berani memperdengarkan bacaan al-Quran buat julung kalinya di khalayak kafir Quraisy sehingga beliau pulang dengan mukanya luka dan berdarah.

Rasulullah SAW menghargai golongan belia. Baginda yakin akan keupayaan para belia, lantas mengamanahkan tanggungjawab dan peranan penting pada mereka. 'Itab bin Usaid RA ketika berusia 21 tahun dilantik menjadi pemimpin kota Mekah; Usamah bin Zaid RA dilantik memimpin pasukan tentera untuk menentang kerajaan Rom di Syam ketika baru berusia 18 tahun; dan Zaid bin Tsabit bergabung dengan Islam ketika berusia 11 tahun sewaktu berlaku Perang Badar, diangkat oleh Rasulullah SAW menjadi pembantu untuk menulis wahyu yang turun ketika usia masih remaja.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sejarah menunjukkan belia dan kalangan remaja jika diberikan kepercayaan dan peluang, berupaya menggalas tanggungjawab penting. Kita memiliki contoh-contoh yang boleh dijadikan teladan. Ketika Persekutuan Tanah Melayu diisytiharkan sebuah negara merdeka, Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman Putra ketika itu berusia 52 tahun. Namun Tunku dibantu oleh pasukan berusia muda. Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak berusia 35 tahun, dan antara anggota jemaah menteri, Tun Dr. Ismail berusia 42 tahun, Tun Tan Siew Sin berusia 41 tahun dan Tun Sambanthan berusia 38 tahun.

Dalam kalangan pegawai tinggi kerajaan, Dato Seri Aminuddin Baki menjawat jawatan Ketua Penasihat Pelajaran ketika berusia 36 tahun, Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz mencetus idea penubuhan Dewan Bahasa Dan Pustaka dan menjadi Ketua Pengarah pertama, ketika berusia 34 tahun. Dr. Ungku Umar diamanahkan tanggungjawab Pengarah Pusat Penyelidikan Perubatan ketika berusia 34 tahun, dan Tun Mohammed Hanif Omar diamanahkan tanggungjawab Ketua Polis Negara ketika berusia 35 tahun. Dalam bidang kehakiman dan perundangan, Tan Sri Abu Talib Othman menjawat jawatan Peguam Negara ketika berusia 38 tahun dan Raja Azlan Shah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Tinggi ketika berusia 37 tahun, mencatat rekod sebagai hakim termuda di antara hakim-hakim Mahkamah Tinggi di negara-negara Komanwel.



Tokoh-tokoh yang disebut merupakan tokoh-tokoh terkemuka, membuktikan usia muda tidak menjadi penghalang untuk membolehkan terciptanya kejayaan dan terukir kecemerlangan. Generasi belia lazimnya lebih idealistik. Mereka memiliki idea-idea yang segar, mereka lebih bertenaga, dan mereka juga bersemangat kental; komponen-komponen amat penting untuk mencorakkan pemerintahan yang dinamik lagi progresif dalam usaha mahu mencapai taraf negara maju.

Generasi belia perlu diberikan perhatian – diberikan kepercayaan – diberikan tanggungjawab. Para belia wajar diasuh, dididik, dibimbing dan diberikan kepercayaan untuk mengambil tanggungjawab lebih besar dalam agenda membina negara-bangsa yang bersatu dan berpadu, maju lagi makmur. Penglibatan para belia secara aktif akan dapat membantu untuk meremajakan dasar yang telah tua, meniup pembaharuan kepada struktur yang telah lama dan menyuntik darah muda kepada tubuh yang telah berusia. Slogan seperti ‘belia masa depan negara’ perlu diterjemahkan dengan kesediaan menyediakan ruang membolehkan para belia dilatih dan diasuh bakat mereka agar bersedia mewarisi tanggungjawab kepimpinan yang lebih besar.

### **Muslimin yang dikasihi**

Para belia juga berada dalam zon usia rapuh berhadapan pelbagai dugaan duniawi, menjelma di hadapan mata dalam pelbagai bentuk; kebendaan, imbuhan, pujian, pangkat, gelaran, jawatan, rasuah, hiburan, keperluan nafsu syahwat dan pelbagai lagi. Untuk membolehkan para belia berjaya mengatasi dugaan duniawi sedemikian, mimbar menyarankan perkara-perkara berikut: **Pertama:** Memperkukuhkan jati diri, memiliki prinsip yang kukuh, cekal dan gigih, serta tidak sama sekali akan menjual harga dan maruah diri kerana sogokan rasuah serta menyemai tekad tidak akan melakukan perbuatan pecah amanah. **Kedua:** Membina kekuatan dalaman dan daya tahan bertiangkan syarak, berlandaskan kitabullah, bersendikan adab dan adat. Sabda Rasulullah SAW bermaksud, “Tujuh golongan manusia yang mendapat perlindungan Arasy daripada Allah di akhirat, yang mana pada hari itu tidak ada sebarang lindungan selain daripada lindungan tersebut. Antara golongan tersebut ialah pemuda yang sepanjang umurnya sentiasa beribadah kepada Allah” (al-Bukhari:1357 dan Muslim:1031) **Ketiga:** Memiliki sifat-sifat ilmuwan yang tidak mudah dijadikan keldai untuk dicucuk hidung, berupaya mentafsir antara permata dan kaca, bijak menilai antara kebenaran dan kepalsuan.



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا يُؤَافِي نِعْمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا<sup>7</sup>  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ  
وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي  
الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran



وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَالْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ  
وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin** muliakan kami dengan takwa dan istiqamah. Bimbing para pemuda kami agar memanfaatkan usia mudanya pada jalan-jalan kebaikan dan mendatangkan faedah. Kurniai negara kami pemimpin muda yang bijak, beramanah, bertakwa, menjunjung yang hak dan menentang kebatilan.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan tuntutan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Dzal Jalaali wal Ikram!**, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

**Ya Maalikal Mulki!**, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Malik! Ya Hadi!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin